



**SELAMAT...seorang penduduk berusaha menyelamatkan barangannya.**

## >Air Sungai Kelantan melimpah

*Metro 9/1*

**K**OTA BHARU: Kawasan rendah di negeri ini mula ditenggelami air berikutan limpahan air dari Sungai Kelantan serta hujan berterusan, sejak dua hari lalu.

Tinjauan di Kampung Tikat dan Penambang, dekat Pantai Cahaya Bulan (PCB) mendapati kawasan di kampung itu digenangi air berikutan limpahan air Sungai Kelantan.

Penduduk kampung juga terpaksa meletakkan kenderaan masing-masing ke kawasan yang lebih tinggi kerana bimbang akan turut ditenggelami air.

Seorang penduduk Kam-

pung Tikat, Mohd Zaki Omar, 40, berkata kawasan rumahnya ditenggelami air berikutan limpahan air Sungai Kelantan.

Menurutnya, keadaan itu terkawal tetapi dia sekeluarga bersedia menyimpan pelbagai barangan penting termasuk peralatan elektrik ke tempat yang lebih tinggi.

“Kenderaan seperti kereta dan motosikal juga diletakkan di tebing lebih tinggi kerana bimbang jika paras air meningkat secara mendadak.

“Kami sebenarnya sudah biasa berhadapan dengan

banjir kerana kawasan di sini amat mudah ditenggelami air terutamanya di musim tengkujuh,” katanya.

Sementara itu, seorang peniaga jagung rebus di Kampung Penambang, Rosliza Mat Nawi, 35, berkata limpahan air Sungai Kelantan semakin menghampiri kawasan gerainya.

Menurutnya, dia mungkin terpaksa menutup perniagaan jika paras air semakin naik.

“Apa yang lebih penting, saya perlu menyelamatkan barangan di rumah terlebih dulu,” katanya.